

Kolej Shahputra tubuh SIDC

Wujud ruang kreatif pelajar, warga kolej

Oleh Nasuha-Badrul Huzaini
bhnews@bharian.com.my

KOLEJ Shahputra buat kali pertamanya mencatat sejarah tersendiri dengan penubuhan Shahputra Inovation & Design Centre (SIDC) sekali gus menampakkan kesungguhan penyarrah dan pelajar memajukan diri ke arah kecemerlangan.

Shahputra Inovation & Design Centre dirasmikan pada 5 Mei lalu oleh Pengerusi Eksekutif Kolej Shahputra, Datuk Dr Azman Zaini Abdul Ghanie dan disaksikan Koordinator Kolej Bersekutu, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR) Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Mohd Salleh Mujir.

"Tahun ini, saya berasa bangga apabila melihat usaha murni penyarrah serta pelajar dan saya mengucapkan syabas kepada mereka dan dengan tertubuhnya SIDC, ia dapat mewujudkan sa-

tu ruang kreatif bagi pelajar dan warga kolej," kata Dr Azman.

Tujuan utama penubuhan Shahputra Inovation & Design Centre adalah untuk menyediakan kemudahan kepada pelajar di mana ia menjadi tempat bagi mereka mencurahkan ilham.

Penyarrah juga menitikberatkan hasil kerja yang bermutu dalam usaha untuk membangunkan kualiti pelajar agar terus maju dan berjaya dalam mereka bentuk sesuatu produk yang baru dan lebih kreatif.

Program Diploma Seni Lukis dan Seni Reka (Fesyen) yang juga program kerjasama UiTM - Shahputra menawarkan kursus kemahiran asas dengan memberi tumpuan terhadap Pembentukan Seni Reka dan Corak, Sejarah Pakaian, Pembuatan Berbanding Komputer, Pengurusan Penghasilan dan Pengajian Liberal.

Semua program berkena-

an berlangsung selama tiga tahun. Pemegang diploma program ini berpeluang membabitkan diri dalam industri pakaian, butik atau memulakan perniagaan sendiri.

Kolej Shahputra turut menawarkan program Diploma Seni Lukis dan Seni Reka (Perindustrian) juga dengan kerjasama UiTM.

Selain program kerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan UiTM, Kolej Shahputra turut menawarkan tiga program diploma dalam iaitu Diploma Kejururawatan, Diploma Farmasi dan Diploma Teknologi Makmal Perubatan.

Untuk keterangan lanjut mengenai program yang ditawarkan, sila hubungi bahagian pemasaran Kolej Shahputra di 09-5737777 atau layari laman web www.kolejshahputra.edu.my.